

Oleh Faizatul Farlin Farush Khan  
ffarlin@mediaprima.com.my  
(Yang mengikuti kunjungan  
media ke Tokyo, Jepun)

**M**elanoma adalah sejenis penyakit kulit yang mengancam nyawa dan selalunya dihadapi oleh golongan berkulit cerah dan sering terdedah secara terus kepada sinaran ultra ungu (UV) pancaran matahari.

ia juga sejenis penyakit yang jarang berbanding kanser kulit lain, namun lebih berbahaya sekiranya tidak dikesan sejak awal kerana ia agresif dan sukar dihapuskan dengan kemoterapi, malah menyebabkan 25 peratus kematian yang dikaitkan dengan kanser kulit.

Secara keseluruhannya, doktor mengesan 160,000 kes melanoma setiap tahun dan sering dialami penduduk di Eropah utara dan barat laut yang tinggal dalam cuaca terik.

Kes melanoma juga tinggi di kawasan Asia, Amerika Utara, Afrika Selatan dan



**MELANOMA**

ra Barat,” katanya.

MGH/ Harvard dan Shiseido mula menjalin kerjasama sejak 1989 dalam memahami dan meneroka biologi kulit dan cara untuk mengekalkan kesihatannya. Ia terdiri daripada beberapa saintis yang menjalankan kajian dalam projek kecil serta bekerjasama dengan saintis daripada Shiseido.

Ia kini memfokus kepada topik kajian yang lebih meluas dan berjaya mengatasi piawaian ketat untuk mendapatkan geran kerajaan supaya dapat terus aktif menjalankan kajian berkaitan kulit dan mencari penyelesaian terbaik kepada masalah kulit yang timbul.

### Peranan gen

Dr Fisher yang semanganya mempunyai minat yang tinggi dalam subjek pigmentasi berkata, keadaan kulit amat penting untuk ketenangan fikiran dan ia juga banyak memberi pengaruh kepada sistem pertahanan badan kerana ia saling berkaitan antara satu sama lain.

Amerika Latin, tetapi rendah di selatan Itali dan Sicily membuktikan bahawa pendedahan terhadap UV mewujudkan pigmentasi dalam populasi terbabit.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, kira-kira 48,000 kematian yang berkaitan dengan melanoma berlaku setiap tahun di seluruh dunia.

Pengerusi Bahagian Dermatologi Pusat Kajian Biologi Kulit dan Sains Kulit Hospital Massachusetts General (MGH)/ Harvard Dr David Fisher berkata, kulit adalah organ terbesar yang berperanan melindungi tubuh manusia daripada persekitaran termasuk pancaran UV yang terbukti bahaya kepada kesihatan kulit.

“Cahaya UV merosakkan dan menyebabkan kulit mengalami masalah penuaan pramatang. Ia menjejaskan protein dan sel kulit. Semakin berusia, kesan kerosakan akan lebih dirasai kerana matahari memberi efek secara perlahan-lahan,” katanya ketika menghadiri Seminar Sains Seni dan Sains Shiseido di Tokyo, Jepun, baru-baru ini.

Melanoma adalah penyakit kulit yang sering dialami oleh masyarakat bangsa Kaukasia disebabkan oleh keadaan kulit mereka yang lebih cerah dan kurang mengandungi melanin sebagai perisai kulit.

Mereka juga terdedah kepada melanoma akibat pendedahan kepada cahaya matahari secara berlebihan melalui aktiviti berjemur di tepi pantai dalam usaha mendapatkan kulit perang

# Melanoma ancam nyawa

## 160,000 kes penyakit kulit dikesan setiap tahun dan sering dialami penduduk di Eropah utara serta barat laut yang tinggal dalam cuaca terik

yang dianggap lebih menarik berbanding kulit putih pucat.

Melalui kajian yang dijalankan, pihaknya mendapat pelbagai maklumat berguna bagi mengekalkan kesihatan dan merawat kulit. Misalnya ada sesetengah orang memiliki tompokan merah pada kulit yang juga dikenali sebagai ‘wine stain’.

“Biarpun tidak merbahaya, ia boleh menjejaskan penampilan. Ia berpunca daripada terlalu banyak salur darah halus yang berkumpul di satu tempat di bawah lapisan kulit hingga jelas kelihatan.

“Melalui maklumat yang didapati daripada kajian dijalankan, kita akan gunakan pancaran laser untuk mematikan salur darah yang berkumpul itu dan kulit akan merawat dirinya sendiri,” katanya.

Menurutnya, kumpulan saintis akademik dari seluruh dunia boleh belajar daripada Shiseido bagi menghasilkan produk yang



DR David Fisher

dapat mengubah kehidupan masyarakat global, antaranya mengetahui cara melanoma terbentuk dan bagaimana pigmentasi dapat dihalang daripada terus berlaku.

“Melalui kajian yang dijalankan terhadap kulit, asas yang mengaitkan keadaan melanoma dengan kanser dapat difahami. Melanoma adalah penyakit yang mengancam nyawa dan masalah besar dalam kalangan penduduk di nega-

**“Cahaya UV merosakkan dan menyebabkan kulit mengalami masalah penuaan pramatang. Ia menjejaskan protein dan sel kulit”**

Dr David Fisher

Metro 27/3/14  
MS 6.

sama lain. “Pemikiran kita boleh memberi kesan kepada kulit terutama ketika kita berada dalam tekanan di mana sejenis hormon akan dirembes dan meningkatkan pigmentasi kecuali sekiranya seseorang itu secara biologinya memiliki rambut berwarna merah,” katanya.

Katanya, melanoma kini mempunyai ubat untuk merawat pesakit yang sebelum ini tidak ada peluang untuk pulih dan pengetahuan mengekang pengeluaran melanin untuk merawat pesakit secara berkesan memberi impak besar kepada ramai pesakit.

“Mereka yang berkulit gelap secara genetik mempunyai risiko yang kurang untuk mendapat kanser kulit. Satu gen memainkan peranan yang amat besar dalam menentukan pembentukan melanoma dan ia membantu saya dalam mencari penyelesaian kepada penyakit ini.

“Melanoma berlaku akibat biologi manusia itu sendiri dan pendedahan kepada pancaran UV. Oleh itu, kita perlu mendidik orang ramai dan melindungi kulit dengan pemakaian krim pelindung matahari.

“Kurangkan pendedahan kepada matahari dan lakukan pemeriksaan dengan doktor terutama sekiranya ada pigmentasi kerana pengesanan awal mampu menyelamatkan nyawa. Kanak-kanak juga perlu dilindungi kerana terlalu banyak pendedahan ketika kecil boleh memberi kesan apabila usia meningkat,” katanya.